

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 1 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

MENGANGKAT SUMPAN

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1422-L04886
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan dan peningkatan yang telah dihadapi oleh Tabung Haji (TH) setelah perubahan tampuk pengurusan tertinggi dan langkah penjimatan yang telah diambil sejak Mei 2018.

2. PR-1422-L05392
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah pendaftaran pelarian Rohingya yang diselia oleh UNHCR ketika ini dan berapakah jumlah pelarian terkini yang didaftarkan di bawah agensi ini.

3. PR-1422-L04969
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan keluasan tanah yang telah diteroka untuk pembalakan bagi tahun 2017 dan 2018 secara berlesen dan haram. Sejauh manakah pembalakan yang berlesen dan haram telah menjejaskan keadaan alam sekitar.

4. PR-1422-L04816
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) yang telah masuk tahun ke-5 dan apakah aspek penambakan yang telah dibuat.

5. PR-1422-L05634
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan Kertas Putih Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah pun dibentangkan di Parlimen:-
- (a) adakah Kerajaan merasakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang melakukan penyelewengan agak terlalu lambat ; dan
 - (b) jika tindakan telah diambil, berapa yang telah dibawa ke mahkamah.
6. PR-1422-L05412
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini 97 transaksi lot tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang disiasat oleh Jawatankuasa Khas di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
7. PR-1422-L04770
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status permohonan mesyuarat membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian berhubung pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP). Apakah perkembangan terkini membabitkan cadangan pembinaan KXP dan juga dua proposal lapangan terbang baru yang telah dibentangkan kepada Pejabat Perdana Menteri pada awal tahun ini.
8. PR-1422-L04701
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pendirian Kerajaan dalam penerapan pensijilan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO) yang akan diwajibkan pelaksanaannya Disember ini, dan bagaimana falsafah tersebut dapat memberi kebaikan dari aspek ekonomi kepada pekebun-pekebun kecil yang semakin terkesan dengan penurunan harga minyak sawit.
9. PR-1422-L05542
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian menggunakan khidmat Legenda Badminton Negara, Datuk Lee Chong Wei bagi melahirkan lebih ramai pemain badminton berprestasi tinggi.

10. PR-1422-L05069
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik bilangan pekerja yang diberhentikan kerja bagi tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019 mengikut pecahan sektor awam dan swasta.

11. PR-1422-L05052
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berikut:-
 - (a) jumlah dana yg telah disediakan oleh Kerajaan sebagai pinjaman untuk mengalakkan tanaman pokok getah jenis balak (*latex timber clone rubber tree*) sehingga hari ini; dan

 - (b) berapakah baki dana ini yang masih boleh dipinjamkan dan adakah Kementerian merancang untuk menambah dana ini untuk mengalakkan penanaman pokok getah jenis balak.

12. PR-1422-L05120
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status kemajuan melaksanakan janji manifesto Kerajaan PH berhubung pertambahan bayaran royalti atau bayaran tunai (*cash payment*) sehingga 20% dari Petronas kepada negeri Sarawak.

13. PR-1422-L05680
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur disebabkan oleh infra yang kurang baik daripada projek-projek pembangunan.

14. PR-1422-L04786
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah sebenar pekerja-pekerja yang diberhentikan mengikut sektor dan apakah kesan-kesan nyata kepada sektor yang berkaitan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pekerja tersebut .

15. PR-1422-L04391
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada terdapat empangan air yang mengalami penyusutan air sehingga paras air rendah dan kesan kekurangan takungan air kepada bekalan air dan tindakan yang telah diambil.

16. PR-1422-L04864
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha yang sedang direncana oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah pertumbuhan ekonomi yang perlahan kesan daripada perang perdagangan Amerika Syarikat dan China agar ia tidak memberikan impak yang besar terhadap ekonomi negara.
17. PR-1422-L04440
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa beliau telah membuat pemilihan yang tepat dan sesuai ke atas kredibiliti Puan Latheefa Koya untuk menjawat jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baru menerima kritikan dan bantahan umum, apakah alasan sebenar pemilihan tersebut.
18. PR-1422-L04551
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang akan mengkaji semula kelulusan cermin gelap belakang kenderaan dengan Peratus Ketelusan Cahaya (VLT) sebanyak 0% yang mana ia terlalu gelap sehinggakan kenderaan yang berada di belakang kenderaan yang menggunakan cermin gelap belakang dengan VLT 0% tidak dapat melihat kenderaan di hadapan kenderaan tersebut dan ini amat membahayakan.
19. PR-1422-L04544
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah lain yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyasat salah laku bekas Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ketika PRU-14 memandangkan tribunal khas untuk tujuan tersebut telah dibubarkan.
20. PR-1422-L04832
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapakah pihak Kerajaan sehingga kini masih lagi gagal untuk membuat pembayaran dividen interim kepada peserta FELCRA sehingga menjejaskan kehidupan mereka ditambah pula dengan ketidakstabilan harga komoditi sawit.
21. PR-1422-L05437
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian dalam menangani krisis penumpang keluar dan masuk Labuan musim perayaan dan bilakah *ramp* pendaratan feri kedua di Menumbok diadakan dan digunakan sepenuhnya.

22. PR-1422-L05387
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan meminda akta Mahkamah Syariah untuk mengangkat kedudukan Mahkamah Syariah setanding Mahkamah Sivil khususnya Akta 355 Mahkamah Syariah.
23. PR-1422-L05285
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian membantu kebajikan golongan masyarakat yang bekerja sendiri, tidak mempunyai majikan atau kerja yang tetap serta berpendapatan rendah.
24. PR-1422-L05506
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat yang diambil oleh pihak Kerajaan terhadap Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa (warganegara Malaysia) yang dianjurkan oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membuat rakaman penuh bacaan Al-Quran daripada qari dan qariah tersebut.
25. PR-1422-L04683
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama pemegang sijil kelulusan akademik yang palsu atau dipertikaikan di kalangan anggota pentadbiran PH di pusat dan negeri. Apakah tindakan kepada lebih 6 orang itu sudah diambil seperti yang tersebar di kalangan rakyat.
26. PR-1422-L04752
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pencapaian dan sambutan orang awam terhadap usaha-usaha Kementerian dalam menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam dan pada masa yang sama mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.
27. PR-1422-L04898
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah jaminan daripada pihak Kerajaan bahawa Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang baru dilantik akan dapat menjalankan tanggungjawab dengan adil dan saksama tanpa mengira latar belakang parti.
28. PR-1422-L04405
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meneruskan perkhidmatan feri di Pulau Pinang.

29. PR-1422-L05058
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan hidup Orang Asli dalam konteks sosiekonomi, kesihatan, pendidikan khususnya di Gua Musang, Kelantan.
30. PR-1422-L05336
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada berhasrat meminda Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi kesalahan yang menyebabkan kematian dan kecederaan kepada pemandu di bawah pengaruh alkohol supaya dikenakan hukuman yang lebih setimpal.
31. PR-1422-L05399
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian pihak Kementerian terhadap hasil kajian kes yang dilakukan oleh Penyelidik Kanan Pusat Pentadbiran dan Pengajian Politik (Cent-GPS) mendapati bahawa pekerja berbangsa Melayu dan India banyak berhadapan dengan cabaran diskriminasi dalam mencari pekerjaan berbanding pekerja berbangsa Cina.
32. PR-1422-L04735
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah peguam Syazlin Mansor yang dilantik oleh KPKT tidak dibenarkan untuk meneruskan tugas sebagai peguam di dalam inkues Mohd Adib.
33. PR-1422-L04851
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan di bawah Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus untuk meningkatkan keupayaan pendidikan dan latihan isi rumah B40.
34. PR-1422-L04895
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai garis panduan atau SOP kepada pihak JPJ, polis dan lain-lain pihak berkuasa mengadakan sekatan jalan raya untuk mengelak daripada berlakunya sekatan di kawasan berbahaya.

35. PR-1422-L05155

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha mengukuhkan kembali harga jualan kelapa sawit bagi suku tahun kedua 2019. Ini memandangkan masyarakat luar bandar terutamanya di Parlimen Bukit Gantang, Tanah Rancangan FELDA dan pengusaha tanaman kelapa sawit cukup terkesan dengan keadaan sebegini.

36. PR-1422-L04414

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prasyarat yang diperlukan supaya pembukaan sekolah tahfiz tidak melanggar dasar dan dapat mengelakkan musibah kepada pelajar.

37. PR-1422-L04788

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan cadangan menaik taraf Sungai Chior, Mukim Pulau Kamiri, Sungai Siput (U) di bawah projek tebatan banjir bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan tersebut.

38. PR-1422-L05575

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Jika benar, kenapakah tanah kawasan perkampungan Orang Asli Pos Trisu Cameron Highlands yang telah diwartakan sebagai Perkampungan Orang Asli disewakan kepada pengusaha kebun sayur oleh Ketua Pengarah JAKOA tanpa menetapkan tempoh luput sewaan. Industri pertanian tersebut telah menimbulkan banyak isu kerosakan alam sekitar dan jalan raya selain mengimport masalah sosial di kalangan penduduk Orang Asli apabila ada pekerja pendatang asing sama ada berpermit atau tidak hadir dan menetap di dalam kawasan perkampungan Orang Asli tersebut.

39. PR-1422-L05377

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula dasar tiada diskaun saman JPJ.

40. PR-1422-L04710

Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada nombor plat "TMJ" dan "RZ" telah didaftarkan dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai pendaftaran kenderaan yang sah oleh mana-mana pihak dan sekiranya tidak, sama ada kenderaan-kenderaan yang mempunyai nombor plat itu dibenarkan di atas jalan raya.

41. PR-1422-L05026
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi masalah diskriminasi yang agak teruk dalam pengambilan pekerjaan di sektor swasta terutamanya dalam kalangan orang-orang Melayu dan India walaupun mereka ini mempunyai ijazah dan kelulusan yang tinggi.
42. PR-1422-L05475
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa pelantikan Puan Latheefa Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM tidak melalui proses Jawatankuasa Pilihan Parlimen seperti yang pernah disarankan oleh Pakatan Harapan:-
- (a) apakah pendirian Kerajaan terhadap Janji 14 di dalam Buku Harapan yang menyebut, “SPRM akan melapor terus kepada Parlimen, dan bukan lagi Perdana Menteri”; dan
 - (b) apakah jaminan bahawa Latheefa Koya akan menjalankan tugasnya secara adil dan saksama tanpa pertimbangan politik.
43. PR-1422-L05434
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah fungsi Majlis Tahfiz Negara yang diwujudkan oleh Kerajaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Institut Latihan Guru Tahfiz khususnya bagi memperkasakan pembelajaran tahfiz di sekolah-sekolah yang dimiliki oleh Kerajaan.
44. PR-1422-L04961
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah bantuan yang diberikan kepada peneroka FELDA bagi proses tanam semula ketika ini, dan adakah terdapat sebarang kemungkinan jumlah bantuan tersebut akan ditingkatkan pada masa akan datang.
45. PR-1422-L04484
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan laporan kejayaan Program Sayangi Sawitku dengan memperincikan peningkatan harga dan jumlah eksport sawit.

46. PR-1422-L04945
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program baru yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi melahirkan atlet-atlet bertaraf dunia seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol David dan Azizulhasni Awang.
47. PR-1422-L04542
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan pada setiap suku untuk tahun 2018 dan 2019 mengikut pecahan negeri, dan adakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan membenarkan semula pelantikan wakil-wakil parti politik sebagai Penolong Pegawai Pendaftar (ARO).
48. PR-1422-L04597
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian terhadap isu persaingan antara pemandu teksi dan pemandu e-panggilan (Grab) yang semakin membimbangkan dan jaminan bagi mewujudkan persaingan adil terhadap kedua-dua kumpulan pemandu tersebut.
49. PR-1422-L04795
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Wawasan 2020 adalah wawasan YAB Perdana Menteri sendiri, apakah hasrat tersebut akan menjadi kenyataan bahawa Malaysia menjadi negara maju. Apakah langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan wawasan ini dapat membantu rakyat terutama masyarakat di luar bandar.
50. PR-1422-L04695
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengubah status rahsia dokumen mengenai peristiwa rusuhan 13 Mei 1969 dan menubuhkan Suruhanjaya Kebenaran dan Rekonsiliasi berkaitan tragedi 13 Mei 1969.
51. PR-1422-L05342
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan semasa 63 resolusi Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara.

52. PR-1422-L05115
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sudah terdapat kajian semula terhadap jumlah harga bayaran cukai jalan yang melibatkan kenderaan bahan api diesel agar lebih seimbang dengan kedudukan semasa harga bahan api di pasaran.
53. PR-1422-L05003
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP):-
- (a) mencapai sasaran asal pada tahun 2020 iaitu 500,000 pelatih, 320 pusat latihan dan 2000 jurulatih; dan
 - (b) adakah peruntukan untuk NFDP dikekalkan atau dikurangkan.
54. PR-1422-L04803
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan pekebun kecil sawit melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO); dan
 - (b) adakah terdapat sebarang bentuk bantuan serta bimbingan kepada pekebun kecil sawit luar bandar bagi mendapatkan pensijilan Minyak sawit Mampan (MSPO).
55. PR-1422-L04598
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapakah jumlah minyak mentah sawit (CPO) yang diimport pada tahun 2018 dan dari Januari hingga Jun 2019. Langkah Kerajaan membenarkan import minyak sawit mentah memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil dalam negara.
56. PR-1422-L04680
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan susulan kepada RCI Skandal Forex dan laporan polis yang dibuat. Bila Kerajaan akan tubuhkan RCI utuk 1MDB, Tabung Haji, FELDA dan MARA. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

57. PR-1422-L04451

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terhadap Haji Mohamad bin Hassan, mantan Menteri Besar Negeri Sembilan mengenai kes pengubahan wang 10 juta melalui pengurup wang ke London, untuk pembelian sebuah pangsapuri mewah di London; dan
- (b) adakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri menyiasat dari mana Haji Mohamad bin Hassan, mantan Menteri Besar Negeri Sembilan memperolehi RM 10 juta untuk membeli sebuah pangsapuri mewah di London.

58. PR-1422-L04616

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dalam keadaan sentimen ekonomi dunia yang lemah, KDNK menurun, pendapatan syarikat-syarikat menurun dan belum ada kestabilan politik sebenar dalam negara apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang Kerajaan lakukan untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara.

59. PR-1422-L05010

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kejadian kampung Orang Asli Kuala Koh, Kelantan.

60. PR-1422-L04939

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang sepatutnya dibentangkan pada sidang Parlimen Mac lalu dapat dibentangkan semula.

61. PR-1422-L05051

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan julat harga pasaran (*market price range*) bagi balak pokok getah dan kayu pokok getah yang telah diproses mengikut saiz pada masa kini.

62. PR-1422-L05427
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status pembayaran royalti minyak kepada Kerajaan Negeri Kelantan seperti yang telah dijanjikan setelah Kerajaan Kelantan secara rasmi menarik balik saman yang telah difailkan ke atas PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan pula sebagai pencelah sekaligus sebagai defendan kedua sebelum ini.
63. PR-1422-L04553
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dikecapi melalui kempen Sayangi Sawitku, dan bagaimanakah kempen ini dilihat membantu dalam menstabilkan harga komoditi sawit serta membantu nasib pekebun sawit.
64. PR-1422-L05486
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah dasar tahfiz negara telah dipraktikkan sejak dasar ini diperkenalkan, dan sejauh manakah kepatuhan institusi-institusi tahfiz dalam negara terhadap dasar tersebut.
65. PR-1422-L04588
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional dan perkara yang menjadi intipati utama dalam usaha memperkasakan, membangunkan dan memajukan masyarakat berkenaan.
66. PR-1422-L05309
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan masih bercadang untuk meneruskan penubuhan IPCMC dan apakah status konsultasi dengan semua pihak-pihak yang berkaitan serta sejauh mana perbezaan daripada segi fungsi dan bidang kuasa IPCMC kelak dengan SIAP yang sedia ada.
67. PR-1422-L04976
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah lantikan baru Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) akan dilakukan dan adakah lantikan ini akan dilakukan dengan konsultasi bersama Jawatankuasa Pilihan Khas.

68. PR-1422-L04908
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baru ini dan apakah jaminan SPRM mampu bertindak secara berani dan bebas tanpa campur tangan orang politik.
69. PR-1422-L05548
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan perpaduan kaum yang dilihat semakin pincang serta menyebabkan banyak perpecahan kaum yang berlaku.
70. PR-1422-L04329
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membatalkan pengklasifikasian dan membongkarkan laporan siasatan terhadap kemalangan nahas kapal terbang nomad Australia pada 6 Jun 1976 yang mengorbankan YAB Ketua Menteri Sabah, anaknya dan beberapa ahli kabinetnya serta yang lain supaya rakyat tahu-menahu mengenai kejadian sebenarnya.
71. PR-1422-L05671
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menyediakan prasarana bagi memastikan rakyat mampu untuk mendapatkan lesen kenderaan dalam kadar yang rendah bagi lesen motorsikal dan kereta bagi golongan B40.
72. PR-1422-L05035
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program-program atau projek-projek berimpak tinggi yang dirancang oleh MITRA untuk pembangunan sosioekonomi kaum India. Senaraikan secara terperinci jumlah peruntukan yang dikeluarkan kepada semua organisasi termasuk pihak swasta secara berasingan serta tujuan pengagihan peruntukan tersebut.
73. PR-1422-L04798
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status pelaksanaan ECRL dan berapakah kos terkini selepas disemak semula serta berapakah jumlah pekerja tempatan dan asing yang terlibat mengikut negara.

74. PR-1422-L04694
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terhadap bekas Peguam Negara, Mohamed Apandi, bekas Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Dzulkifli Ahmad, bekas-bekas Ketua Polis Negara dan bekas pegawai kerajaan kanan tinggi yang lain tentang peranan mereka dalam penutupan skandal kecurian wang 1MDB yang membabitkan bekas Perdana Menteri Najib Razak dan, berapa wang yang dicuri itu didapatkan semula oleh Kerajaan setakat ini.
75. PR-1422-L05193
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan penyertaan Bumiputera dalam sektor peniagaan dan perusahaan meningkat selain daripada insentif yang diwujudkan di bawah agensi-agensi Kerajaan sedia ada.
76. PR-1422-L04330
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah Kerajaan bagi memperkasa industri halal negara dengan membuka lebih banyak pasaran.
77. PR-1422-L04668
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam mendidik masyarakat berbilang kaum dan agama terutamanya di kalangan warga maya bagi mencegah perbuatan menghina agama selain daripada penubuhan Unit Pemantauan Isu Hina Agama oleh JAKIM.
78. PR-1422-L04821
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah tindakan menggugurkan peguam yang mewakili pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak dilakukan pada peringkat permulaan sekiranya benar berlaku percanggahan kepentingan di dalam kes ini.
79. PR-1422-L04884
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk membenarkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen sepertimana yang disarankan oleh Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus.

80. PR-1422-L05415
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap majikan yang berterusan secara jelas melanggar garis panduan yang dikeluarkan pihak Kementerian dengan tidak membenarkan pekerja Islam menunaikan solat pada waktu bekerja terutamanya solat Jumaat.
81. PR-1422-L05318
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang telah dipertimbangkan dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang baharu dari kalangan bukan penjawat awam dan kenapakah Kerajaan tidak melantik dalam kalangan penjawat awam yang sudah memiliki kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut.
82. PR-1422-L05222
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil Kerajaan bagi memastikan keselamatan pemandu kenderaan *e-hailing* berikutan pembunuhan pemandu Grab, Mohd Hanafiee Jaafar, di Tuaran, Sabah pada 24 Mei lalu oleh dua orang penumpang.
83. PR-1422-L05324
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan polisi dan rancangan baharu dalam menaiktaraf infrastruktur dan taraf kehidupan Orang Asli.
84. PR-1422-L04664
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan keputusan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan salah laku bekas Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
85. PR-1422-L04426
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah seterusnya setelah pungutan suara untuk membuat pindaan Perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan gagal demi menjadikan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sebagai rakan kongsi ke arah merealisasikan perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

86. PR-1422-L04590
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penjelasan berikutan kegagalan Kerajaan untuk melunaskan pembayaran elaun kos sara hidup FELDA yang masih tertunggak pada setiap bulan.
87. PR-1422-L04667
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang pihak Kerajaan dalam menyelesaikan masalah serta kemelut isu berkaitan dengan pemandu teksi dan pemandu Grab.
88. PR-1422-L04756
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengusahakan tanah-tanah milik kerajaan yang terbiar sekian lama selain daripada cadangan mengusahakannya dengan projek-projek pertanian.
89. PR-1422-L04574
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah bantuan kepada pekebun kecil getah yang dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun ini dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan bagi Sarawak.
90. PR-1422-L04971
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status terkini pelaksanaan lima projek utama di Kelantan yang diumumkan sewaktu lawatan kerja ke negeri tersebut pada 8 Mac 2019. Apakah ada sebarang perancangan untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek ini.
91. PR-1422-L04774
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan secara terperinci perkembangan pewartaan Hutan Simpan Ulu Muda. Apakah tindakan susulan yang telah diambil lanjutan daripada pengumuman persetujuan Kerajaan Negeri Kedah berhubung perkara berkaitan.

92. PR-1422-L04829
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk kursus dan latihan yang disediakan oleh Kerajaan kepada para penjawat awam dalam kerangka mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan perkhidmatan awam bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0.
93. PR-1422-L05266
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) lebih berdaya saing dan tidak ketinggalan apabila projek-projek seperti ECRL dan HSR dilaksanakan pada satu masa nanti.
94. PR-1422-L05618
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menjelaskan tanggungjawab dan skop tugas Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council - EAC*) yang baru ditubuhkan. Adakah laporan kajian penuh yang dihasilkan daripada Majlis tersebut akan diterbitkan kepada rakyat.
95. PR-1422-L04885
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan reformasi Mahkamah Syariah yang telah dilaksanakan terutama dalam memperkasakan undnag-undang Syariah yang lebih adil dan saksama.
96. PR-1422-L05095
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kementerian dalam menjaga keselamatan empangan seperti di Empangan Semenyih yang terletak berdekatan jalan raya selain memasang pagar memandangkan ia membekalkan sumber air yang penting kepada orang ramai.
97. PR-1422-L05677
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian terhadap masalah pendatang asing tanpa izin yang bekerja dan meniaga di Pasar Borong Selayang dan Pasar Borong Harian. Adakah operasi bersepadu akan dilakukan.

98. PR-1422-L05446
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah pencapaian industri sawit negara sejak Kempen Sayangi Sawitku dilancarkan pada 24 Mac 2019 atau sekadar propaganda politik.
99. PR-1422-L05158
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Keretapi Tanah Melayu Berhad akan menyambung semula operasi perkhidmatan Ekspres Wau Kuala Lumpur-Tumpat.
100. PR-1422-L05274
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyediakan prasarana sukan di kawasan luar bandar dan program yang melibatkan belia atau anak muda dalam usaha membendung gejala sosial.
101. PR-1422-L05560
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sebab fasa 3 projek Tebatan Banjir Sibul yang harus melibatkan pembinaan pam air PS6 dan projek tebatan air sekitarnya sudah dipindah ke fasa 4. Dan Fasa 3 sekarang melibatkan pembinaan pam air PS7 dan PS8 dan projek sekitarnya yang dianggap tidak begitu penting buat masa sekarang. Ia telah dianggap sebagai satu keputusan politik yang melibatkan Kerajaan terdahulu, adakah tender terbuka telah dijalankan untuk melantik kontraktor.
102. PR-1422-L05639
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan rancangan Kerajaan untuk menubuhkan Ombudsman Malaysia seperti yang telah dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).
103. PR-1422-L04772
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan senarai projek-projek tebatan banjir yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan sejak Mei 2018 sehingga kini kepada Pulau Pinang. Nyatakan juga kos serta perincian perkembangan terkini pelaksanaannya.

104. PR-1422-L05726
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk penelitian serta kriteria yang perlu dipenuhi dalam meluluskan supaya perlantikan individu untuk memegang jawatan utama perkhidmatan awam harus terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) .
105. PR-1422-L04746
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan beliau dalam menangani kegagalan Penggubalan Perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan pada sesi Parlimen yang lepas.
106. PR-1422-L05301
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan mengapakah kita masih perlu mempunyai penanaman baru kelapa sawit memandangkan prospek minyak kelapa sawit tidak menentu pada masa kini.
107. PR-1422-L04981
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila pembiayaan awam bagi parti-parti politik seperti tertera dalam manifesto akan dilaksanakan.
108. PR-1422-L05740
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pelbagai bantuan dan program untuk membantu pekebun lada dan meringankan bebanan mereka pada masa harga komoditi lada hitam ini sekarang dalam keadaan amat rendah dan tertekan.
109. PR-1422-L05758
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju pembangunan untuk memastikan Orang Asli Semananjung dibawa ke arus pembangunan perdana.
110. PR-1422-L05161
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelajar-pelajar yang mendapat pembiayaan biasiswa yang ingkar untuk pulang berkhidmat di Malaysia.

111. PR-1422-L05085

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan serta usaha Malaysia dalam merencanakan aktiviti dalam sektor perdagangan, pelaburan serta pelancongan dengan negara-negara Asia Tenggara di bawah, "*Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia- Philippines East ASEAN Growth Area*" (*BIMP-EAGA*).

112. PR-1422-L05471

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat menubuhkan unit pemantauan bagi keceriaan dan kebersihan Geopark Jerai yang telah diwartakan sebagai Geopark Negara.

113. PR-1422-L04476

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai nama projek-projek kecil dan besar yang telah dibatalkan atau ditangguh serta memperincikan kesannya kepada keadaan kemerosotan ekonomi negara.

114. PR-1422-L04445

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah untuk memperketat peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dari dibocorkan termasuk menghalang peralatan digital dibawa masuk oleh mereka yang terlibat dalam sesuatu mesyuarat.

115. PR-1422-L05000

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berkaitan '*middle income trap*'. Apakah yang dilakukan Kerajaan dalam jangka masa sederhana dan panjang untuk keluar dari perangkap ini ketika negara-negara membangun mengambil banyak peluang-peluang industri pembuatan nilai rendah dan sederhana dan Malaysia belum bersaing secukupnya dalam pembuatan nilai tinggi.

116. PR-1422-L05227

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendaftar dalam sistem e-Kasih di Sabah mengikut daerah-daerah dan mengikut kategori miskin tegar, miskin, pendapatan rendah, dan lain-lain. Apakah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan di Sabah bagi miskin tegar, miskin, pendapatan rendah dan lain-lain.

117. PR-1422-L04948

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kes yang didakwa di bawah Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 dan berapa kes berkaitan dengan penyebaran berita palsu yang dilaporkan dan didakwa ke mahkamah dari Jun 2018 hingga Jun 2019 serta langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kes penyebaran berita palsu yang semakin serius di Malaysia.

118. PR-1422-L05007

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status tindakan terhadap siasatan skandal '*land swap*' Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Kewangan dan Perolehan.

119. PR-1422-L04692

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan sama ada anggota polis patut memasang kamera video semasa menjalankan tindakan penguatkuasaan untuk mengurangkan rasuah di kalangan polis.

120. PR-1422-L04489

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kes kesalahan "GUNA LKM BAGI TUJUAN LAIN" tercatat di bawah polis trafik mengikut daerah. Apakah definisi barangan kegunaan komersil di bawah kesalahan ini yang tidak boleh diangkut oleh kenderaan biasa.

121. PR-1422-L05355

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing yang kini semakin menjadi-jadi khususnya di Sabah.

122. PR-1422-L04446

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan berusaha menaik taraf '*Radio Communication*' di mana '*Reception*' di antara pilot dan ATC yang tidak sempurna di kawasan-kawasan tertentu.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Dalam Negeri**
 - * Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019.

2. **Menteri Belia Dan Sukan**
 - * Rang Undang-Undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

3. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**
 - * Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"**BAHAWASANYA** berdasarkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, maka Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen Kerajaan telah mengisytiharkan harta mereka dalam Akuan Berkanun sebagaimana yang terkandung dalam Kod Etika Bagi Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang telah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

MAKA DEWAN INI BERSETUJU:-

BAHAWA sesuai dengan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, semua Ahli Dewan Rakyat hendaklah mengisytiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami, anak dan pemegang amanah dalam Akuan Berkanun sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat;

BAHAWA Akuan Berkanun tersebut hendaklah dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh usul ini disetujukan dan disalinkan kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan

BAHAWA senarai nama Ahli Dewan Rakyat yang telah mengisytiharkan harta hendaklah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan hanya butiran pengisytiharan harta Ahli Dewan Rakyat tersebut sahaja yang akan dipaparkan di portal tersebut selama tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan Akuan Berkanun oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia".

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R.10/2019) | Rang Undang-Undang Cap Dagangan 2019 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna] | |
| 3. | (D.R.11/2019) | Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna] | |
| 4. | (D.R. 9/2019) | Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |

5. PR-1422-U(27)050
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

6. PR-1422-U(27)051
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

7. PR-1422-U(27)052
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

8. PR-1422-U(27)053

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

9. PR-1422-U(27)054

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati."

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

10. PR-1422-U(27)055

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

11. PR-1422-U(27)056

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

"Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik."

"Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

12. PR-1422-U(27)057

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

"Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu."

"Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina."

"Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1422-U(27)058

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

14. PR-1422-U(27)059

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

[Perdana Menteri]

15. PR-1422-U(27)060

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

[Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

16. PR-1422-U(27)061

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat kluatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (Doctrine of Incorporation) dan Doktrin Transformasi (Doctrine of Transformation) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu.

Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

17. PR-1422-U(27)062

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agens antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaraskan sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

[Menteri Industri Utama]

18. PR-1422-U(27)063

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Pendidikan]

19. PR-1422-U(27)047

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

[Perdana Menteri]

20. PR-1422-U(27)048

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urusan tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1422-U(27)049

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

[Perdana Menteri]

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 01.07.2019 (Isnin)	1. YB Tuan Cha Kee Chin (Rasah)	1. Masalah Banjir Dan Hakisan Di Sepanjang Sungai Linggi	1. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli
2. 01.07.2019 (Isnin)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Kenapa Kerajaan Baharu Pakatan Harapan Melanggar Janji 14 Dalam Manifesto	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**